



PUSAT PENGAJIAN SAINS FIZIK

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

11800 USM PULAU PINANG

+604 – 6533200

dean_phy@usm.my

PEMAKLUMAN RASMI

11 SEPTEMBER 2020

HEBAHAN KEMASUKAN PELAJAR PUSAT PENGAJIAN SAINS FIZIK BAGI SIDANG AKADEMIK 2020/2021

SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- a) Universiti Sains Malaysia telah bersetuju untuk melaksanakan Pembelajaran Teradun Gantian mulai Semester 1, 2020/2021.
- b) Semester 1 Sidang Akademik 2020/2021 akan bermula secara rasmi pada 12 Oktober 2020.
- c) Kesemua proses pengajaran dan pembelajaran (bersemuka dan secara dalam talian) juga akan bermula mengikut tarikh tersebut.
- d) Jadual Pengajaran dan Pembelajaran dipaparkan melalui laman web dan boleh dimuat turun di pautan

https://fizik.usm.my/images/JADUAL/Jadual_Waktu_Fizik_SA2020-2021_11Sept2020_1700hrs_ARI.pdf

Selaras dengan perkembangan semasa berhubung Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dilanjutkan sehingga Disember 2020, Pusat Pengajian Sains Fizik ingin membuat pemakluman berhubung beberapa perkara seperti berikut :

1. KEMASUKAN PELAJAR KE PUSAT PENGAJIAN SAINS FIZIK

- 1.1. Pengajaran dan Pembelajaran bermula pada 12 Oktober 2020 menggunakan kaedah pembelajaran teradun gantian untuk semua kursus. Peperiksaan akhir adalah secara bersemuka.
- 1.2. Pusat Pengajian Sains Fizik akan menerima masuk **pelajar-pelajar baharu** untuk Semester 1, Sidang Akademik 2020/2021 ke kampus pada awal semester iaitu sekitar minggu pertama Oktober 2020.
- 1.3. Bagi kemasukan **pelajar sedia ada (Tahun 2, 3, 4)**, kemasukan ke kampus adalah secara berperingkat selepas cuti pertengahan semester sekitar 7 Disember 2020.
- 1.4. Bagi semua kursus makmal 100 dan makmal 200, jadual makmal akan disediakan dan makmal akan dilaksanakan secara intensif.

- 1.5 Bagi pelajar yang terlibat dengan Projek Tahun Akhir, satu taklimat akan diadakan untuk menerangkan perincian tentang Projek Tahun Akhir. Pelajar diminta rujuk portal e-learn untuk sebarang maklumat dan perkembangan terkini tentang FYP.

2. PENDAFTARAN KURSUS

Mohon ambil perhatian berhubung aktiviti pendaftaran kursus seperti berikut :

TARIKH	AKTIVITI
11 September 2020 (Jumaat) – 08 Oktober 2020 (Khamis)	Aktiviti pendaftaran kursus secara E-Daftar menerusi portal CampusOnline USM (https://campusonline.usm.my)
12 Oktober 2020 (Isnin) – 30 Oktober 2020 (Jumaat)	Tempoh RASMI aktiviti pendaftaran kursus adalah secara maya. [Minggu Pertama Hingga Minggu Ke-3] * Pelajar P1&P2
20 November 2020 (Jumaat)	Tarikh akhir aktiviti pengguguran kursus di Pusat Pengajian [Minggu Pertama Hingga Minggu Ke-6]

Catatan : Sebarang penasihat akademik yang memerlukan kelulusan Timbalan Dekan (Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa) perlu dilakukan secara maya (menerusi Webex). Pelajar perlu muatnaik borang pendaftaran kursus di laman web PP Sains Fizik dan melengkapkannya. Pelajar kemudian diminta menghantar borang tersebut melalui emel dan mendapatkan tarikh temujanji bersama Timbalan Dekan (Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa) melalui Puan Noorzila Zainan.

3. KEMUDAHAN PENGINAPAN ASRAMA DI DALAM KAMPUS

Semua urusan kembali ke kampus perlu dilakukan dengan pihak BHEPA dan semua urusan penempatan di desasiswa perlu dijalankan dengan pihak Pusat Perumahan dan Penginapan Univeristi (PPPU). Pusat Pengajian dan Universiti tidak menjanjikan kemudahan penginapan kepada para pelajar. Jika pelajar telah memohon kemudahan penginapan asrama di dalam kampus dan permohonan itu ditolak, para pelajar disarankan membuat permohonan rayuan kepada Pusat Penginapan dan Perumahan Universiti.

4. PERINGATAN PENTING

- 4.1 Untuk memastikan semua pelajar boleh mengikuti pengajian dalam talian, dasar “satu pelajar satu peranti” (one student one device) telah dipersetujui oleh universiti. Semua pelajar diminta mempunyai peranti (device) masing-masing dalam tempoh pembelajaran mereka di USM. Bagi pelajar yang mempunyai masalah atau kesulitan, boleh memaklumkan pusat pengajian berhubung perkara ini melalui Penolong Pendaftar Kanan Pusat Pengajian Sains Fizik, Puan Nor Farah Shaik Omar.
- 4.2 Kemudahan di pusat pengajian seperti *student lounge*, *student centre* dan ruang legar di Aras 3 pusat pengajian tersedia untuk kegunaan sepanjang masa. Makmal Komputer pusat pengajian juga sentiasa dibuka untuk kegunaan pelajar (sila rujuk waktu operasi).


Selamat maju jaya.

NOTA: Hebahan ini tertakluk kepada perubahan mengikut pengumuman rasmi oleh pihak Universiti dan kerajaan berhubung PKPP dari semasa ke semasa.

Semua pelajar dinasihati supaya peka kepada semua pemberitahuan oleh pihak Universiti dan Pusat Pengajian.

**Dekan
Pusat Pengajian Sains Fizik**

11 September 2020



SCHOOL OF PHYSICS
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA